

Najis haiwan
peliharaan
seperti kucing
boleh sebar
parasitancam
wanita,
kandungan

► Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bharian.com.my

HAIWAN jinak seperti kucing sememangnya kerap dijadikan pilihan untuk dibela di rumah. Tetapi sekiranya anda sedang hamil, mungkin anda ingin mengehendak masa bersama dengan haiwan peliharaan khususnya dari segi pengendalian najisnya.

Ini kerana ia berkemungkinan boleh mendatangkan ancaman protozoa toxoplasma yang boleh memberi kesan kepada kandungan termasuk dilahirkan cacat. Ini disebabkan protozoa berkenaan boleh membiak di dalam tubuh manusia sekali

gus menular kepada bahagian otak dan buah pinggang manusia.

Perlu diambil perhatian bahawa toxoplasmosis juga boleh menjangkiti wanita melalui pengendalian daging mentah seperti daging lembu atau kambing yang mengandungi *cyst toxoplasma*.

Pakar Obstetrik & Ginekologi, Pusat Perubatan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Aqmar Suraya Sulaiman, berkata protozoa *Toxoplasma* dikaitkan dengan haiwan berbulu, berdarah panas tetapi paling banyak dalam kalangan kucing.

>> R2

Awas si comel

